

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang]

TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang memperbanyakkan sistem amaran awal banjir untuk menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir boleh bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) telah membina sebanyak 423 buah stesen hujan dan 288 buah stesen aras air bertelemetri di lokasi yang strategik di seluruh negara. Data yang dicerap oleh stesen-stesen ini akan dipaparkan di dalam laman web *publicinfobanjir*.

Stesen-stesen siren juga telah didirikan di kawasan-kawasan yang berisiko banjir adalah sebanyak 436 buah. Bagi Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) untuk tahun 2015, pihak JPS telah memohon peruntukan sejumlah RM33 juta untuk melaksanakan projek-projek berikut;

- 1) Pembangunan sistem ramalan banjir bagi kawasan yang berisiko banjir seperti di Sungai Kuantan, Pahang, Sg Kemaman, Terengganu dan Sg Golok, Kelantan;
- 2) Penambahbaikan sistem hebahan amaran banjir iaitu membangunkan sistem aplikasi telefon pintar MyBanjir yang memberikan amaran melalui khidmat pesanan ringkas di tempat-tempat yang berpotensi dilanda banjir. Melalui sistem ini, penduduk di kawasan berkenaan akan mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menyelamatkan keluarga dan harta benda sekiranya berlaku banjir; dan
- 3) Membangunkan sebanyak 214 stesen telemetri dan 200 stesen siren.

Kementerian prihatin akan masalah ini dan akan berusaha untuk menanganinya tertakluk kepada peruntukan yang akan diluluskan.

Sekian, terima kasih.